

# PESAMA TIMBER CORPORATION SDN BHD



## LAPORAN STAKEHOLDER CONSULTATION

**MENGENAI SESI MULTI-STAKEHOLDERS CONSULTATION BERHUBUNG  
DENGAN PENGURUSAN HUTAN LESTARI DAN AMALAN PENSIJILAN MASAKINI  
DI KONSESI HUTAN CHERUL  
( CHERUL FOREST CONCESSION – CFC )**

---

TARIKH : 7 OGOS 2016

TEMPAT : HOTEL RESIDENCE INN,  
CERATING, PAHANG

**Disediakan Oleh :-**

**SAHARAH Bt Said<sup>1</sup> BORHAN Bin Mohd<sup>2</sup> & HJ.WAN SUHAIMI Bin W. Aziz**

<sup>1</sup>Management Representative II dan <sup>2</sup>Resident Consultant, SPI

Pesama Timber Corporation Sdn Bhd

## **1.0 Pengenalan dan Latarbelakang**

---

Pesama Timber Corporation Sdn Bhd (Pesama) mengambil inisiatif dan komited bagi meneruskan legasi menghasilkan produk berasaskan kayu berstatus pensijilan FSC yang dihasilkan daripada Konsesi Hutan Cherul (CFC). Bagi tujuan tersebut, sebuah majlis dialog/ konsultasi telah diadakan pada 07hb Ogos, 2016 bertempat di Hotel Resident Inn, Cherating, Pahang. Majlis dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Golden Pharos Berhad, Encik Mohd Adawi Bin Ton Omar dan dihadiri oleh beberapa wakil daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta wakil-wakil dari JKKK penduduk kampong di sekitar kawasan CFC. Stakeholder Consultation ini merupakan salah satu saluran komunikasi berkesan yang diamalkan didalam pengurusan hutan masakini.

**Sila Rujuk Lampiran 1 - Agenda majlis dan Lampiran 2 - Senarai Peserta yang hadir.**

## **2.0 Ucapan Aluan Oleh Pengurus Besar Pesama Timber Corporation Sdn Bhd – Encik Suhairi Bin Sulong**

---

Majlis dimulakan dengan ucapan ringkas oleh Encik Suhairi Bin Sulong, Pengurus Besar Pesama. Beliau mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada CEO Golden Pharos Berhad serta para peserta kerana sudi hadir di dalam sesi Stakeholder Consultation yang kali ke-2 dianjurkan oleh pihak Pesama. Encik Suhairi menerangkan secara ringkas senario perdagangan kayu kayan dunia dan tentang perlunya Pesama mempunyai dan mempertahankan reputasi syarikat dan pensijilan di bawah FSC yang diperolehi semenjak tahun 2012 yang lalu.

## **3.0 Ucapan Perasmian Oleh CEO Golden Pharos Berhad – Encik Mohd Adawi Bin Ton Omar**

---

Dalam ucapan perasmian beliau, CEO GPB mengalukan inisiatif yang dijalankan oleh pihak Pesama dalam menganjurkan majlis seumpama ini dimana pihak syarikat mengiktiraf hak dan peranan pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) serta bersedia berkongsi pandangan daripada mereka. Cara ini adalah paling baik bagi kita mengurangkan apa jua permasalahan dan konflik yang timbul di sepanjang operasi pembalakan di Hutan Simpan Cherul. Adalah menjadi harapan GPB supaya Konsesi Hutan Cherul ini menjadi contoh dalam amalan pengurusan hutan terbaik (best practices forest management).

## **4.0 Taklimat “Introduction to Pesama” - Slideshow oleh Pengurus Besar Pesama**

## **5.0 Taklimat Mengenai FSC Oleh Tuan Haji Wan Mohd Shuhaimi Bin Wan Aziz – Golden Pharos Berhad (GPB)**

---

Tuan Haji Wan Mohd Shuhaimi memberi taklimat berjudul “**Pensijilan Forest Stewardship Council dan Kepentingannya Kepada Pesama**”, menerangkan latarbelakang **Kumpulan Golden Pharos Bhd dan peranan pensijilan hutan khususnya Forest Stewardship Council (FSC) dalam menentukan halatuju pengurusan hutan dan pemeliharaan sumber biodiversiti serta perdagangan produk berasas kayu.** Beliau juga menerangkan prinsip-prinsip dan kriteria yang digunakan di bawah standard FSC **dan MTCS/PEFC** yang perlu dipatuhi yang berkait rapat dengan amalan pengurusan hutan secara berkekalan.

## **6.0 Taklimat Mengenai Pengurusan Hutan dan “Best Management Practices” Oleh Dr BORHAN Bin Mohd – Residen Juruperunding Pesama**

---

Dr Borhan menyampaikan taklimat mengenai “**Amalan-Amalan Baik Dalam Pengurusan Hutan Dirian Kedua di Konsesi Hutan Cherul**”. Selain daripada memberi takrifan dan justifikasi berhubung dengan pensijilan dibawah FSC, beliau menerangkan aspek-aspek yang terbabit dan yang diperlukan di dalam sesuatu pengurusan hutan secara mapan. **Beliau menerangkan beberapa contoh sebagai perbandingan** operasi pembalakan berimpak rendah (RIL – *Reduced Impact Logging*) yang menggunakan “*Log-fisher*” yang mana didapati mampu meminimumkan kesan negatif dari operasi pembalakan. Sesebuah pengurusan hutan yang mapan ialah yang berjaya mengintegrasikan pengeluaran hasil kayu balak dengan aspek pemeliharaan alam sekitar, sumber air dan tanah serta sumber biodiversiti, serta juga mengambilkira kepentingan sosial mayarakat dan pekerja.

Amalan-amalan yang buruk di dalam kawasan operasi perhutanan akan menyebabkan syarikat gagal mendapat pensijilan sehingga *“corrective action requests (CARs)”* atau tindakan pembetulan yang diberikan dan dituntut oleh pihak pengodit dilakukan sebagaimana yang dikehendaki.

Dalam hubungan ini kepentingan perancangan yang baik adalah diutamakan di samping keperluan latihan dan pembangunan kapasiti serta penyelidikan yang relevan.

## **7.0 Taklimat Pensijilan Oleh Pegawai Hutan Daerah Terengganu Selatan - Encik Khairuddin Bin Perdan**

---

Skop pembentangan merangkumi:

- 9 Prinsip M C & I dan Rancangan Pengurusan Hutan
- Audit Dalaman JPSM
- Kos Audit MTCS/PEFC
- Audit bebas (CB) – SGS Malaysia/Sirim QAS

## **8.0 Taklimat Perhilitan Oleh Jabatan Perhilitan Negeri Terengganu - Encik Ayub Bin Daud**

---

- Halatuju Jabatan Perhilitan
- Sejarah Jabatan
- Apa itu Hidupan Liar
- Pengurusan Hidupan Liar
- Cara Menangani Konflik
- Kawalan Gangguan Hidupan Liar
- Konflik Gajah dan Harimau dengan Manusia
- Perundungan dan Penguatkuasaan
- Akta-akta Pemulihan Hidupan Liar

## **9.0 Taklimat Alam Sekitar Oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu - Encik Muhd Hisyam Bin Abdullah**

---

- EIA sebagai satu kajian mengenalpasti, meramal, menilai dan mendapatkan informasi melalui komunikasi yang dibuat terhadap pihak-pihak terlibat, yang mana ianya berkaitan dengan kesan terhadap alam sekitar yang berpunca dari cadangan projek pembangunan.
- Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 127) - Pindaan 2012: suatu akta berhubung dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling bagi maksud-maksud berkaitan.
  - Larangan Pembakaran Terbuka - kesalahan Kompaun minima RM2,000 dan maksima RM500,000 atau penjara 5 tahun.
- Laporan EIA akibat Aktiviti Yang Ditetapkan ( AYDT )
  - Tidak boleh menjalankan aktiviti sebelum EIA dikemukakan dan diluluskan
  - Sabit Kesalahan : denda RM500,000 dan 5 tahun penjara

## **10. Taklimat Perhutanan Semasa Oleh Prof. Madya Dr M. Zaki Bin Hamzah - Fakulti Perhutanan UPM**

---

- Pengurusan Hutan secara berkekalan (SFM)

- Sistem Pengurusan Memilih (SMS)
- Sistem Tebangan Berarah (Directional Felling)
- Teknik Tebangan (Cutting Method)
- Masalah dengan teknik Biasa
- Teknik Baru
- Cadangan Perubahan
- Peluang baharu

## **11.0 Perbincangan: Isu-Isu Yang Dibangkitkan**

---

Sesi Konsultasi dan Dialog dikendalikan oleh Dr Borhan.

### **FRIM (Dr Ismail Bin Haron)**

**Beliau berpendapat bahawa tujuan diadakan Stakeholder Consultation adalah:**

- Awareness/ keprihatinan terhadap hutan
- Memberikan input mengenai keprihatinan syarikat berhubung amalan perhutanan dan kesannya kepada masyarakat dan alam sekitar
- Syarikat menjalankan **aktiviti perhutanan** secara telus dan terbuka

Dalam hubungan ini, pihak stakeholder disaran agar mengemukakan apa jua pandangan dan isu yang dijangka boleh menyumbang ke arah SFM di Cherul Forest Concession.

Seterusnya beliau menyentuh tentang beberapa perkara berikut:

- i. HCVF – untuk mengenalpasti sesuatu HCVF, pihak Pesama mesti tahu apa yang wujud khususnya yang membabitkan species yang terancam. Jika spesies flora dan fauna berkenaan terdapat di dalam IUCN list maka syarikat perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan bersegera untuk melindunginya.
- ii. Social/ historical
- iii. Sebagai contoh Air Terjun Chemerong → protection. KPKKT/GPB perlu memberikan fokus bagi membangunkan kawasan ini.
- iv. Kedudukan Pokok Gaharu dan jenut hidupan liar tak perlu diberi papan tanda ia akan memberi kesan negatif jika diketahui orang.
- v. R & D perlu dijalankan oleh Pesama
- vi. Pesama perlu menggunakan teknologi terkini bagi membantu pengurusannya.
- vii. EIA adalah suatu keperluan → perlu ada monitoring, khususnya ke atas kualiti air dan alam sekitar.
- viii. Perlu jalankan inventori ke atas spesies terancam di dalam CFC.
- ix. Perlu menjalankan SIA/social appraisal → gunakan simple questionnaire

- x. Perlu jalankan kajian ke atas economic of forest management – investment & reinvestment – cost benefits analysis.
- xi. Forest valuation on timber & carbon stock.

#### **JPNT – Encik Khairuddin Bin Perdan**

- Membangkitkan isu mengenai HCVF Neram Stream – keluasan & kriteria pemilihan. JPNT perlu satu salinan daripada HCVF Management Plan yang disediakan oleh Pesama – Tindakan Pesama
- Mencadangkan supaya Keruing Mengkai jika terdapat di dalam CFC dipelihara sebagai HCVF – perkara ini akan diteliti - Tindakan Hj Wan Suhaimi.

#### **Jabatan PERHILITAN, Kemaman – Encik Ayub Bin Daud**

- En. Ayub menyentuh tentang isu ekologi hutan dan status hidupan liar sebagai kelangsungan daripada operasi pembalakan. Rekod status hidupan liar sebahagiannya adalah berdasarkan kepada kekerapan aduan yang diterima berhubung dengan gangguan **gajah** ke atas kebun dan tanaman penduduk di sekitar CFC, khususnya di Kg Cherul dan Kg Ban Hoe, dimana boleh dikatakan tiap-tiap minggu ada sahaja aduan yang diterima berhubung perkara tersebut. Setakat ini belum ada aduan mengenai harimau di sekitar kawasan tersebut.
- Kos memindah gajah terlalu tinggi: RM40,000.00/ekor. Kos membina pagar elektrik gajah RM70,000/km.
- Perhilitan biasanya bertindak hanya apabila menerima aduan daripada penduduk.
- Dalam hubungan ini, pihak Perhilitan memohon sokongan dan kerjasama dari pihak semua pihak termasuk Pesama bagi mengatasi masalah ini dan pihak Perhilitan ada menyediakan Tabung Amanah Gajah.

#### **KPKKT – En Zulkifli Bin Mohd Sanusi**

CFC bersempadan dengan Chenderong Concession di sebelah utaranya yang mana aktiviti pertanian mereka telah menyebabkan pencemaran ke atas Sungai Cherul. Begitu juga dengan gangguan gajah yang berpunca daripada kawasan tersebut.

#### **FELDA – Encik M. Nasaruddin Alwi, Penolong Pengurus FELDA Cherul**

- Masalah hidupan liar.
- Babi tak jadi masalah, tetapi gajah merupakan isu besar khususnya bagi Ladang Espek 6, 7 dan 8 serta Felda Cherul 1 dan 2. Terdapat kira-kira 40 – 50 ekor gajah yang perlu ditangani. Setakat ini pihak Felda telah membina pagar elektrik sepanjang 30km.
- Kawanan Gajah tersebut telah lama berkampung di sekitar kawasan ladang penduduk.
- Ternyata pembinaan parit dan pagar elektrik saja tidak mencukupi, perlu ada alternatif lain.
- Adakah ini disebabkan oleh gajah sudah kehabisan makanan di dalam hutan sehingga menyebabkan mereka menceroboh ke dalam kawasan ladang sawit?
- Sehingga kini Felda telah kehilangan sehingga 300ha di Cherul 1,2 dan 3, membabitkan kerugian RM3.5juta ditanggung oleh pihak Felda dan RM1.9 ditanggung oleh pihak Peneroka di Felda Cherul 2.
- Pohon kerjasama dan bantuan daripada semua pihak yang berkaitan terutamanya Pesama dan Perhilitan menangani permasalahan tersebut.

**En Ayub** - cadangkan agar penduduk membuat aduan terlebih dahulu sebelum tindakan diambil bagi membina pagar elektrik. Walau bagaimanapun, mengikut rekod laporan menunjukkan kawasan gangguan adalah di Cheneh sedangkan Cheneh bukanlah merupakan hotspot bagi gajah liar. Gajah mempunyai kitaran rayau bagi setiap 8 bulan.

**En Khairuddin** - berdasarkan pengalaman di Ulu Sedili (Johor) dan Ulu Muda (Kedah), gajah mempunyai trek jalannya sendiri. Di cadang pendekatan dibuat dengan menggabungkan kedua-dua parit gajah dan pagar elektrik. Persoalannya: pihak manakan yang akan menanggung kos terbabit?

**En Zulkifli Sanusi** - Pagar elektrik dengan kekuatan voltan 6.5 – 6.8 volt didapati berkesan berdasarkan pengalaman di Tasik Banding.

**Dr M. Zaki Hamzah** - Pengalaman di Johor mencadangkan supaya dibuat kombinasi parit gajah + pagar elektrik. Perlu sediakan tabung khas bagi menangani masalah gajah.

**Dr Ismail Haron** - perlu dibuat tabung khas bagi membiayai pagar elektrik.

**Pengerusi JKKK Felda Cherul 01** - **En Roslan Awang** - Masa depan peneroka adalah bergantung kepada penyelesaian ke atas masalah ini. Pihak pengurusan Pesama dan Felda disaran agar mengambil pendekatan terbaik bagi mengatasi isu gajah ini.

## 12.0 Rumusan

- (1) GPB dan Pesama akan berterusan menjalankan hubungan dengan pihak-pihak yang berkepentingan dengan pengurusan hutan di CFC, khususnya agensi-agensi penguatkuasa berkenaan dan mewujudkan saluran komunikasi pelbagai-hala dengan pihak yang berkepentingan bagi membolehkan isu-isu yang menyentuh kepentingan bersama dirunding dan diatasi bersama.
- (2) Membolehkan Pesama memenuhi salah satu daripada tuntutan dalam Principles and Criteria of Forest Stewardship FSC dan memberi peluang kepada Pesama menyatakan kehadiran operasi mereka di kawasan Projek supaya dengan demikian membolehkan pihak-pihak berkepentingan menyesuaikan diri dengan sewajarnya.
- (3) Sebagai menunjukkan komitmen GPB dan Pesama kepada pengurusan hutan yang baik berdasarkan kepada prinsip SFM dan pembangunan mapan.

Beberapa cadangan yang perlu di ambil perhatian seperti berikut:

- Perlu jalankan satu kajian “cost benefit analysis” ke atas Konsesi Hutan Cherul dengan kerjasama FRIM
- Mengkaji semula HCVF Neram Stream dan adakan HCVF baharu seperti Keruing Mengkai
- Tangani isu gangguan gajah di Cherul dan tubuhkan satu “task force” yang dianggotai oleh pihak berkaitan – satu lawatan akan diatur untuk meninjau keadaan dan mencari jalan penyelesaian.

#### **CATATAN:**

Maklumat terperinci laporan ini boleh dirujuk kepada slide pembentangan oleh pembentang masing-masing dan akan diberikan sekiranya diminta.

## Lampiran 1: Agenda

PESAMA TIMBER CORP SABAH SDN BHD FOREST MANAGEMENT PLAN FOR CHERUL FOREST CONCESSION (CFC) 2009-2038																																					
<b>STAKEHOLDER CONSULTATION</b>																																					
TARIKH	: 07hb Ogos 2016 ( Ahad )																																				
TEMPAT	: RESIDENCE INN CHERATING , KUANTAN ,Pahang																																				
<table border="1"><thead><tr><th>MASA</th><th>ATURCARA PROGRAM</th></tr></thead><tbody><tr><td>9.00 PG - 9.15 PG</td><td>PENDAFTARAN PESERTA</td></tr><tr><td>9.15 PG - 9.30 PG</td><td>UCAPAN ALUAN – PENGURUS BESAR PESAMA TIMBER</td></tr><tr><td>9.30 PG - 9.45 PG</td><td>UCAPAN PERASMIAN – CEO GPB</td></tr><tr><td>9.45 PG - 10.00 PG</td><td>INTRODUCTION OF PESAMA ( SLIDE SHOW ) – PENGURUS BESAR</td></tr><tr><td>10.00 PG - 10.15 PG</td><td>REHAT / MINUM PAGI</td></tr><tr><td>10.15 PG - 10.45 PG</td><td>TAKLIMAT FSC - HJ WAN SUHAIMI WAN AZIZ</td></tr><tr><td>10.45 PG - 11.15 PG</td><td>TAKLIMAT BERKAITAN PENGURUSAN HUTAN DI KONSESI HUTAN CHERUL - DR.BORHAN MOHD</td></tr><tr><td>11.15 PG - 11.45 PG</td><td>TAKLIMAT DARI JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU – EN. KHAIRUDDIN BIN PERDAN</td></tr><tr><td>11.45 PG - 12.15 TGH</td><td>TAKLIMAT DARI JABATAN PERHILITAN NEGERI TERENGGANU – EN. AYUB B. DAUD</td></tr><tr><td>12.15 TGH - 12.45 TGH</td><td>TAKLIMAT DARI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU – MUHD HISYAM B. ABDULLAH</td></tr><tr><td>12.45 TGH – 01.15 TGH</td><td>TAKLIMAT DARI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) PROF. MADYA M. ZAKI BIN HAMZAH</td></tr><tr><td>01.15 TGH - 02.30 TGH</td><td>MAKAN TENGAHARI / SOLAT</td></tr><tr><td>02.30 PTG - 3.00 PTG</td><td>Q &amp; A</td></tr><tr><td>3.00 PTG - 3.30 PTG</td><td>REHAT / MINUM PETANG</td></tr><tr><td>3.30 PTG - 4.30 PTG</td><td>SESI PENGGULUNGAN DAN RESOLUSI</td></tr><tr><td>4.30 PTG - 4.45 PTG</td><td>UCAPAN PENUTUP OLEH PENGURUS BESAR</td></tr><tr><td>4.45 PTG - 5.00 PTG</td><td>PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA PENCERAMAH</td></tr></tbody></table>		MASA	ATURCARA PROGRAM	9.00 PG - 9.15 PG	PENDAFTARAN PESERTA	9.15 PG - 9.30 PG	UCAPAN ALUAN – PENGURUS BESAR PESAMA TIMBER	9.30 PG - 9.45 PG	UCAPAN PERASMIAN – CEO GPB	9.45 PG - 10.00 PG	INTRODUCTION OF PESAMA ( SLIDE SHOW ) – PENGURUS BESAR	10.00 PG - 10.15 PG	REHAT / MINUM PAGI	10.15 PG - 10.45 PG	TAKLIMAT FSC - HJ WAN SUHAIMI WAN AZIZ	10.45 PG - 11.15 PG	TAKLIMAT BERKAITAN PENGURUSAN HUTAN DI KONSESI HUTAN CHERUL - DR.BORHAN MOHD	11.15 PG - 11.45 PG	TAKLIMAT DARI JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU – EN. KHAIRUDDIN BIN PERDAN	11.45 PG - 12.15 TGH	TAKLIMAT DARI JABATAN PERHILITAN NEGERI TERENGGANU – EN. AYUB B. DAUD	12.15 TGH - 12.45 TGH	TAKLIMAT DARI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU – MUHD HISYAM B. ABDULLAH	12.45 TGH – 01.15 TGH	TAKLIMAT DARI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) PROF. MADYA M. ZAKI BIN HAMZAH	01.15 TGH - 02.30 TGH	MAKAN TENGAHARI / SOLAT	02.30 PTG - 3.00 PTG	Q & A	3.00 PTG - 3.30 PTG	REHAT / MINUM PETANG	3.30 PTG - 4.30 PTG	SESI PENGGULUNGAN DAN RESOLUSI	4.30 PTG - 4.45 PTG	UCAPAN PENUTUP OLEH PENGURUS BESAR	4.45 PTG - 5.00 PTG	PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA PENCERAMAH
MASA	ATURCARA PROGRAM																																				
9.00 PG - 9.15 PG	PENDAFTARAN PESERTA																																				
9.15 PG - 9.30 PG	UCAPAN ALUAN – PENGURUS BESAR PESAMA TIMBER																																				
9.30 PG - 9.45 PG	UCAPAN PERASMIAN – CEO GPB																																				
9.45 PG - 10.00 PG	INTRODUCTION OF PESAMA ( SLIDE SHOW ) – PENGURUS BESAR																																				
10.00 PG - 10.15 PG	REHAT / MINUM PAGI																																				
10.15 PG - 10.45 PG	TAKLIMAT FSC - HJ WAN SUHAIMI WAN AZIZ																																				
10.45 PG - 11.15 PG	TAKLIMAT BERKAITAN PENGURUSAN HUTAN DI KONSESI HUTAN CHERUL - DR.BORHAN MOHD																																				
11.15 PG - 11.45 PG	TAKLIMAT DARI JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU – EN. KHAIRUDDIN BIN PERDAN																																				
11.45 PG - 12.15 TGH	TAKLIMAT DARI JABATAN PERHILITAN NEGERI TERENGGANU – EN. AYUB B. DAUD																																				
12.15 TGH - 12.45 TGH	TAKLIMAT DARI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU – MUHD HISYAM B. ABDULLAH																																				
12.45 TGH – 01.15 TGH	TAKLIMAT DARI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) PROF. MADYA M. ZAKI BIN HAMZAH																																				
01.15 TGH - 02.30 TGH	MAKAN TENGAHARI / SOLAT																																				
02.30 PTG - 3.00 PTG	Q & A																																				
3.00 PTG - 3.30 PTG	REHAT / MINUM PETANG																																				
3.30 PTG - 4.30 PTG	SESI PENGGULUNGAN DAN RESOLUSI																																				
4.30 PTG - 4.45 PTG	UCAPAN PENUTUP OLEH PENGURUS BESAR																																				
4.45 PTG - 5.00 PTG	PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA PENCERAMAH																																				

## Lampiran 2: Senarai Peserta-Peserta

**STAKEHOLDER CONSULTATION**  
**BERSAMA AGENSI-AGENSI KERJAAN DAN KONTRAKTOR BAGI PENSIJILAN**  
**KONSESI HUTAN CHERUL PUSINGAN KEDUA (2009 – 2038)**

**TARIKH : 07hb Ogos 2016**  
**TEMPAT : Residence INN Cherating , Kuantan**

BIL.	NAMA SYARIKAT	NAMA	JAWATAN	T/TANGAN
1.	Pejabat Hutan Negeri Terengganu Selatan	EN. KHAIRUDDIN BIN PERDAN	DFO	
2.	Jabatan Perhilitan & Hidupan Liar	EN. AYUB BIN DAUD		
3.	FRIM	DR. ISMAIL BIN HARUN	TIMBALAN KETUA PENGARAH	
4.	Universiti Putra Malaysia ( UPM )	Prof. MASYA M. ZAKI B. HAMZAH	Parasportive Faculty Pengetahuan UPM	
5.	Jabatan Alam Sekitar Daerah Kemaman	EN.MUHAMMAD HISYAM B. ABDULLAH		
6.	Jabatan Pergairan dan Saliran	EN. MAZLN BIN MUHAMMAD	P. JURUTERA	
7.	Pejabat Tanah & Galian	EN. SYED BAHARUDDIN B. SYED BAHARIN		
8.	Jabatan kemajuan Orang Asli ( JKOA )	EN.AZMAN BIN NGADIIRON		
9.	Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman	DR.NORLUH HUDA BT.CHE NORDIN		
10.	Pejabat Hutan Daerah Kemaman	EN. MOHD SHAZRI B. MOHD RAPIGH	ADFO	
11.	Pejabat Hutan Cheneh	EN. ABD HADI B. MOHAMAD	ADFO	
12.	Pejabat Polis Kemaman	HJ. NORMANSAH B.DIN	TIMBALAN KETUA	
13.	Balai Polis Cheneh			

BIL	NAMA SYARIKAT	NAMA	JAWATAN	T/TANGAN
14.	Balai Bomba & Penyelamat Cheneh			
15.	Pengerusi JKPK Orang Asli Sungai Pergam	EN.ROSLAN SEMAIL	TOK BATIN	
16.	Pengerusi JKPK Kampung Ban Hoe Cherul	MHD NAZRI B.SALEH	K	
17.	Pengerusi JKPK Felda Cerul 01	Darlan Razeng	PENGARAH	
18.	Pengerusi JKPK Felda Cerul 02	Makna Jusuf		
19.	Felda Cherul	M.Kazimah Abu	Jan Jaya	
20.	Ken On Ent. ( Kontraktor )	CHIA JEE HOI	KERAM	
21.	Temila Enterprise	Haji Ali Bin Yusoh	Keram	
22.	Azharizan u Norizan	FRIM		
23.				
24.				
25.				
26.				

**STAKEHOLDER CONSULTATION**  
**BERSAMA AGENSI-AGENSI KERJAAN DAN KONTRAKTOR BAGI PENSIJILAN**  
**KONSESI HUTAN CHERUL PUSINGAN KEDUA (2009 – 2038)**

**TARIKH : 07hb Ogos 2016**  
**TEMPAT : Residence INN Cherating , Kuantan**

BIL.	NAMA	NAMA SYARIKAT	JAWATAN	T/TANGAN
1.	En. Mohd Adawi Bin Ton Omar	GOLDEN PHAROS BERHAD	CEO	
2.	En. Suhairi Bin Sulong	PESAMA GOLDEN PHAROS BERHAD	PENGURUS BESAR	
3.	Tn.Hj. Wan suhaimi Bin Wan Aziz	GOLDEN PHAROS BERHAD		
4.	Dr. Borhan Bin Mohd		KONSULTAN	
5.	Che Mahri Bin Che Omar	PESAMA	MARKETING MANAGER	
6.	En. Sami Bin Hj Yusuf	PESAMA	MR	
7.	En.Zulkifli Bin Sanusi	KPKKT		
8.	En. Hakimi Bin Abu Hassan	KPKKT		
9.	En. Anuar Bin Mokhtar	KPKKT		
10.	En. Ahmad Fadhil Bin Azahar	PESAMA	SHO	
11.	Pn. Kamariah Bt Ibrahim	PESAMA	AKAUNTAN	
12.	Pn. Saharah Bt Said	PESAMA	KOMITI FSC	

13.	Pn. Nurul Ashikin Bt. Mamat	PESAMA	KOMITI FSC	
14.	Pn. Norizan Bt Ismail	PESAMA	KOMITI FSC	
15.	Pn. Normaseni Bt. Jusoh	PESAMA	KOMITI FSC	
16.	En. Ibrahim Bin Yusuf	PESAMA	KOMITI FSC	
17.	En. Tengku Ibrahim Bin Tengku Mohamad	PESAMA	KOMITI FSC	
18.				
19.				
20.				
21.				
22.				
23.				
24.				
25.				
26.				

### Lampiran 3: Foto-Foto Semasa Program Stakeholder Consultation

